

**K'jaan mahu kurang defisit kepada 2.8%**  
**Malaysiakini.com**  
**June 10, 2010**

Defisit keseluruhan Kerajaan persekutuan disasar berkurang kepada 2.8 peratus pada 2015 daripada 5.3 peratus daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) pada 2010.

Seterusnya, jumlah hutang kerajaan persekutuan dijangka berkurang kepada 49.9 peratus daripada KDNK daripada 52.9 peratus pada tahun ini, demikian menurut Unit Perancang Ekonomi (EPU) di dalam laporan Rancangan Malaysia Ke-Sepuluh (RMK10) yang dibentangkan oleh, Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak di Dewan Rakyat hari ini.

Daripada peruntukan pembangunan kerajaan persekutuan untuk tempoh RMK10 yang berjumlah RM230 bilion, RM126.5 bilion atau 55 peratus diperuntukkan kepada sektor ekonomi, RM69 bilion kepada sektor sosial dan RM23 bilion bagi sektor keselamatan.

Sebanyak RM11.5 bilion bagi pentadbiran am.

Kerajaan akan memperkenalkan rancangan boleh pinda dua tahun bagi memberi ruang yang lebih fleksibel dalam membuat penyelarasan perbelanjaan, terutamanya apabila terdapat keperluan untuk bertindak balas kepada perubahan persekitaran ekonomi global.

Sejumlah RM91 bilion akan diperuntukkan bagi perbelanjaan pembangunan dibawah rolling plan pertama untuk tempoh 2011-2012, kata laporan itu.

- Bernama